

Yesus Kristus,
Engkau melihat
hatiku, Engkau
mengetahui
keinginanku. Miliki
segala diriku –
Engkaulah sendiri.
– Sta. Agatha

Yesus memahami konflik dalaman yang kita hadapi, dan Dia respon dengan mengungkapkan dan memudahkan kasih Bapa untuk kita. Yakni, Yesus menunjukkan bagaimana kita dapat hidup dalam kasih dalam lingkungan hukum-hukum Tuhan. Sebagai contoh, dengan mengkongsi kelemahan atau juga salah faham kita dengan gereja/sesama, kejujuran dan amalan ketanggungjawaban kita membolehkan kita untuk bertumbuh dalam kasih, kerendahan dan kesedaran diri. Dengan cara ini, kita menjadi saksi yang efektif, walaupun usaha kita nampaknya tidak signifikan.

Di sepanjang perjalanan kita untuk mematuhi Hukum-hukum ini, Yesus memberi jaminan Dia mengenali kita; bahawa Dia tahu perjuangan dan kelemahan kita; bahawa Dia tahu janji-janji yang kita cuba tunaikan dan janji-janji yang kita gagal. Yesus memberi jaminan akan kehadiranNya dengan mendengar setiap doa kita, walaupun doa kita hanya terdiri daripada desahan, rintihan dan tangisan. **Yesus adalah penghibur kita yang paling penyayang.**

Jaminan-jaminan yang diberkati ini menjadi sinar terang dalam lembah kegelapan kita; pengharapan dalam perjuangan kita setiap hari. Sambil kita bersandar kepada janji-janjiNya, ada makna kepada penderitaan kita, dan yang mustahil sekarang nampaknya mungkin. Semoga hati kita menjadi berani kerana kita boleh bergantung kepada Tuhan yang mengasihi dan memberi jaminan di setiap langkah dalam perjalanan kita.

Marilah kita senantiasa tinggal di dalam kasihNya. †



Bacaan Injil Harian:

Yeh. 33, 7-9;
Maz. 94: 1-2, 6-9;
Rom. 13: 8-10;
Mat. 18: 15-20

**Perkataan
mingguan**
Yesus adalah
penghibur kita
yang paling
penyayang

Newtbec

NEW WAY OF BEING CHURCH

Hari Minggu Biasa ke-23



DIUTUS DENGAN KEGEMBIRAAN UNTUK MENYEMBUH

TEMA BULANAN:

DARAH YANG DITUMPAHKAN BAGIMU DAN BAGI BANYAK ORANG

KASIH SEJATI MENGGENAPI SEGALA HUKUM



Pada minggu ini terdapat compendium kebenaran (dan hukum-hukum) untuk diselami. Santo Paulus memberi peluang ini dengan mengingatkan kita kasih adalah jawapan kepada setiap hukum. Maka, Hukum-hukum menjadi sumber kehidupan yang kita harus cuba untuk hidupi. Ramai daripada kita sudah hafal set hukum-hukum ini. Walaupun mudah untuk diucapkan, namun ianya bukan senang untuk dipatuhi. Tidak mungkin seseorang dapat mengamalkan kesemua hukum-hukum ini pada setiap masa – namun begitu ini menjadi hidup kesempurnaan dan kekudusan tang kita sebagai umat Tuhan cuba untuk capai.